



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2021**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2021 akan dikeluarkan pada **18 Ogos 2022 (Khamis)**.

Calon sekolah boleh mendapatkan slip keputusan peperiksaan STPM di sekolah masing-masing mulai pukul **12.00 tengah hari** pada 18 Ogos 2022 (Khamis).

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian boleh membuat semakan keputusan STPM 2021 melalui kaedah berikut:

- i. secara sistem pesanan ringkas (SMS) untuk dapatkan ringkasan keputusan STPM 2021 dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>AngkaGiliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11.00 pagi** pada **18 Ogos 2022 (Khamis)** sehingga jam **12.00 tengah hari** pada **28 Ogos 2022 (Ahad)**; dan/atau

- ii. secara dalam talian untuk dapatkan slip keputusan penuh STPM 2021 di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> mulai jam **12.00 tengah hari** pada **18 Ogos 2022 (Khamis)**.

MPM sentiasa komited untuk terus melaksanakan yang terbaik.

-TAMAT-

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
11 OGOS 2022**